

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	5 APRIL 2015

PM arah siasatan terperinci nahas helikopter

Um - 5/4/2015

HULU LANGAT 4 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengarahkan siasatan rapi dan terperinci dilakukan berhubung tragedi helikopter terhempas yang mengorbankan enam nyawa di Jalan Sungai Lalang, Kampung Pasir Baru, Semenyih, di sini petang ini.

Beliau berkata, siasatan rapi itu perlu dilakukan untuk mengetahui punca sebenar kejadian yang mengorbankan individu penting dalam negara.

"Saya berharap siasatan penuh rapi dan terperinci dilakukan dari segenap aspek kerana kita mahu mengetahui punca sebenar kejadian.

"Masih terlalu awal untuk membuat sebarang kesimpulan berhubung tragedi itu namun kita mahu hasil siasatan dilakukan secepat mungkin," katanya dalam sidang akhbar di lokasi nahas di sini.

Saya berharap siasatan penuh rapi dan terperinci dilakukan dari segenap aspek kerana kita mahu mengetahui punca sebenar kejadian

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

Turut kelihatan ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, anak perempuannya, Noryana Najwa Najib dan menantu, Daniyar Kessibayev.

Menurut Najib, mengikut prosedur siasatan, identiti kesemua mang-

sa tidak boleh disahkan selagi siasatan pihak forensik belum selesai.

Namun katanya, negara kehilangan dua individu yang begitu banyak memberi sumbangan besar kepada negara dan kerajaan serta politik tanah air.

"Saya sendiri kehilangan sahabat yang banyak berjasa. Tan Sri Jamaludin Jarjis adalah kawan saya sejak dahulu lagi dan beUau merupakan rakan sepejuangan saya malah dalam dunia politik sendiri saya amat rapat dengan beliau.

"Beliau juga merupakan penasihat khas kepada saya dan saya menganggap ketiadaannya merupakan satu kehilangan dalam parti selain kehilangan yang amat besar pada diri saya sendiri," katanya.

Ujar Najib, Jamaludin juga memainkan peranan penting ketika menjadi Duta Besar di Washington,

Amerika Syarikat sebelum ini.

Beliau turut berkongsi perasaan yang sama terhadap Ketua Setiausaha Sulitnya, Datuk Seri Azlin Alias yang dianggap begitu rapat dengannya sejak dahulu lagi.

"Beliau secara peribadi bersejaja untuk meninggalkan bidang korporat demi berkhidmat dengan kerajaan dengan penuh dedikasi dan begitu disenangi. Ketiadaannya adalah kehilangan besar bagi semua," jelasnya.

Najib turut menzahirkan rasa simpati kepada keluarga yang terlibat dan meminta mereka supaya bersabar.

"Saya berdoa kepada AUah supaya roh kesemua yang terUbat dicucuri rahmatkatanya yang meminta kesemua barisan menteri dalam Kabinet supaya mencontohi kewibawaan mereka yang terkorban.